



**SHAHID AL-QURAN IN ARABIC GRAMMAR WORKS: A SYSTEMATIC
LITERATURE REVIEW
(SHAHID AL-QURAN DALAM KARYA TATABAHASA ARAB: SATU SOROTAN
LITERATUR SECARA SISTEMATIK)**

^{*1}Zamri Rajab, ²Zulazhan Ab. Halim, ³Kamarul Shukri Mat Teh

¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, 22200 Besut, Terengganu.

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

³ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong
Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.

*Corresponding author: zamri@ipgmksm.edu.my

ABSTRACT

The Theory of Nahu al-Quran which emphasizes on the impact of using Koran in Arabic grammar has attracted a lot of research. Within 31 years after the emergence of this theory (1984-2015), there were over 19 studies that used the term shahid al-Quran either in research conducted to qualify for an academic certificate, articles published in journals or seminar papers. This qualitative study aims to explore the literature review of shahid al-Quran through document analysis and the matrix of Systematic Literature Review (SLR). In doing so, a systematic analysis is conducted on the background, issues or gap pertaining to this study as well as methodology and findings on previous research. This study has found that the study of shahid al-Quran was popular among Arab researchers especially on the major works written by Arabic scholars and the qualitative study using content analysis technic was the most preferred method chosen by these researchers. The studies on Shahid al-Quran should continue and develop to explore both the obvious and the underlying reasons behind its usage among scholars of Arabic grammar.

Keywords: shahid al-Quran, tatabahasa Arab, the theory of nahu al-Quran, systematic literature review.

ABSTRAK

Teori Nahu al-Quran yang menekankan impak al-Quran dalam tatabahasa Arab telah menarik banyak kajian dilakukan. Dalam tempoh 31 tahun selepas munculnya teori tersebut (1984-2015), terdapat lebih 19 kajian menggunakan istilah shahid al-Quran dihasilkan sama ada kajian bagi memenuhi syarat memperoleh ijazah akademik, artikel yang diterbitkan dalam jurnal mahupun kertas seminar. Kajian kualitatif ini meninjau literatur kajian shahid al-Quran dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan berpandukan jadual matrik "Systematic Literature Review (SLR)". Analisis sistematik berkenaan memfokuskan kepada latar belakang, isu atau lompong, metodologi dan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati kajian shahid al-Quran telah popular dalam kalangan pengkaji Arab dengan fokus kepada karya utama karangan ulama tatabahasa berketurunan Arab, manakala bentuk kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen atau kandungan lebih mendominasi kajian shahid al-Quran. Kajian shahid al-Quran perlu terus dikembangkan seperti meneroka sebab yang tersurat dan tersirat di sebalik penggunaannya dalam kalangan sarjana tatabahasa.

Kata kunci: shahid al-Quran, tatabahasa Arab, teori nahu al-Quran, sorotan literatur secara sistematik.

1.0 PENGENALAN

Pengajian tatabahasa Arab tidak dapat dipisahkan daripada penggunaan bukti-bukti bagi membentuk, menjelaskan dan meneguhkan kaedah-kaedah yang dibincangkan. Bukti-bukti tersebut dikenali dengan istilah *shahid al-nahw* (dalil tatabahasa). Terdapat pelbagai jenis *shahid* dalam tatabahasa Arab. Antaranya *shahid* syair, *shahid* puisi (*al-nathar*), *shahid* kata pujangga (*al-hikam*), *shahid* pepatah Arab (*al-mathal*), *shahid al-Quran* dan *shahid* hadis.

Shahid (شاهد) berasal daripada perkataan Arab yang dibina atas *wazan fa'il* (فاعل). Perkataan *shahid* terbit daripada kata kerja *shahida* (شهد), *yashhadu* (يشهد) dan *masdarnya* pula adalah *shahadah* (شهادة). Perkataan *shahid* adalah perkataan *mufrad*, iaitu perkataan yang membawa erti satu atau *singular*. Perkataan ini mempunyai kata *jamak*, iaitu yang membawa erti banyak atau *plural* yang pelbagai, antaranya *shuhud* (شهود), *ashhad* (أشهاد), *shuhhad* (شَهْد), *shuhada'* (شهداء) yang digunakan untuk subjek berakal, *shawahid* (شواهد) yang digunakan untuk subjek tidak berakal. Perkataan ini turut didatangi dengan *jama' mudhakkar salim*, iaitu *shahidun* (شاهدون) (Ibn Manzur, 1994; Kamus Al-Ma'ani, t.th.). Kata dasar *shahid*, iaitu *shahida* mempunyai pelbagai maksud dari segi bahasa, antaranya dalil atau saksi, satu perkhabaran yang tegas, atau satu kenyataan yang diasaskan kepada pengetahuan (Mustafa, 1972).

Manakala dari segi istilah yang digunakan dalam bidang tatabahasa Arab pula, istilah *shahid* digunakan bagi merujuk kepada suatu ujaran (*qawl*) berasaskan sumber yang diyakini kearabannya dan didatangkan sebagai hujah atau dalil yang menyokong sesuatu *qawl* yang lain dalam sesebuah perbincangan tatabahasa (Al-Lubdi, 1985). Secara ringkasnya istilah *shahid* adalah merujuk kepada sesuatu subjek tatabahasa yang dipetik daripada al-Quran, hadis, syair atau sumber-sumber bahasa Arab lain yang dipercayai keasliannya seperti prosa yang terdiri daripada *mathal* dan *hikam* dengan tujuan membentuk sesuatu kaedah tatabahasa ataupun sebagai penguat hujah dalam membincangkan kaedah-kaedah tatabahasa, bahkan ia turut didatangkan bagi tujuan memberi contoh kaedah.

Oleh yang demikian, *shahid al-Quran* dari segi istilah bermaksud penggunaan ayat-ayat al-Quran atau potongan daripada ayat-ayat al-Quran secara umum; sama ada sebagai dalil kesahihan sesuatu kaedah tatabahasa, ataupun sebagai penguat kepada kaedah tatabahasa, ataupun sebagai contoh tatabahasa semata-mata.

Berdasarkan analisis terhadap tulisan-tulisan atau sumber-sumber pengajaran dan pembelajaran yang ditulis oleh beberapa orang sarjana, sama ada pada zaman silam hingga kini yang masyhur dalam bidang ilmu tatabahasa Arab, maka diperhatikan komitmen dan iltizam mereka dalam penggunaan *shahid al-Quran* sangat jelas. Ditemui paling kurang satu, dua atau beberapa potong ayat al-Quran digunakan sebagai *shahid* dalam setiap bab, setiap cabang sehingga pada membincangkan masalah-masalah yang kecil dan kompleks (Zamri, 2010).

Sebagaimana yang disebutkan oleh Kamarul Shukri (2005), Sībawayh (m.180H) dalam karyanya *al-Kitāb* telah menggunakan 423 ayat al-Quran sebagai *shahid* tatabahasa. Ibn Hisham (m.761H) dan Ibn Aqil (m.769H) pula masing-masing menggunakan 391 dan 249 ayat al-Quran sebagai *shahid* dalam karya mereka *Sharh Qatr al-Nadā wa Ball al-Sadā* dan *Sharh Ibn 'Aqīl*. Penggunaan *shahid al-Quran* dalam karya Ibn Hisham itu adalah lebih ketara apabila beliau menggunakan lebih banyak *shahid al-Quran* berbanding sarjana lain walaupun karya beliau lebih ringkas. Begitu juga Ibn 'Aqil yang dikesan menggunakan *shahid al-Quran* dari bab yang pertama lagi, iaitu mengenal *al-kalimah* dan bahagian-bahagiannya seterusnya sehingga ke akhir bab (Zamri, 2010).

2.0 PANDANGAN SARJANA TERHADAP *SHAHID* AL-QURAN DALAM TATABAHASA

Sebahagian besar sarjana sependapat bahawa al-Quran adalah rujukan utama bahasa dan tatabahasa Arab (Adnan Suemae, 2005; Al-Ansari, 1984; Al-Sa^cdi, 2014; Zamri & Kaseh, 2011). Bahkan, al-Quran boleh dijadikan rujukan utama kepada ilmu pengetahuan seluruhnya (Saipolbarin et al., 2014). Hakikat ini secara tidak langsung telah menjadikan kajian *shahid al-Quran* agak menarik perhatian para pengkaji kerana berada pada kedudukan yang paling tinggi sebagai rujukan dalam bidang tatabahasa ini.

Al-Quran adalah sumber yang bersih (*al-yanbu^c al-safi*) (Al-Nayilah, 1976) dengan sifatnya memiliki tahap periwayatan yang paling dipercayai (Hathat, 2006). Al-Quran boleh dijadikan hujah dengan semua *qira'at*nya yang mutawatir¹, bahkan ada dalam kalangan sarjana turut mengesahkan bahawa qiraatnya yang *shadh* juga boleh dijadikan hujah dalam tatabahasa, hatta walaupun tidak menepati *qiyas* yang biasa (Al-Suyuti, 2006).

Ulama tatabahasa merujuk al-Quran dalam membina kaedah *i^crabnya*, di samping mengetahui salah atau betulnya sesuatu ujaran (Al-Suyuti, 1996). Editor kitab *Al-Iqtirah fi Usul Al-Nahw* karangan al-Suyuti (m.911H) juga bersetuju bahawa al-Quran merupakan satu-satunya sumber utama yang akan menjaga kualiti dan keaslian bahasa Arab, sebagaimana ia juga berfungsi sebagai agen penyatu yang dapat merungkaikan segala perselisihan dalam bahasa ini (Al-Suyuti, 2006).

Apa yang dapat difahami, al-Quran telah diterima sebagai *shahid* dalam tatabahasa secara sebulat suara tanpa perselisihan perdatap dalam kalangan sarjana (*khilaf*) kerana ia dirujuk bagi meneliti ketepatan susunan sesuatu ungkapan dalam bahasa Arab (Al-Mulhim, 2006). Tidak ada susunan lain dalam bahasa Arab yang tepat dan bermutu tinggi jika hendak dibandingkan dengan susunan al-Quran. Oleh sebab itulah, al-Suyuti telah menegaskan bahawa selagi sesuatu *qira'at al-Quran* itu mempunyai riwayat walaupun *shadh* maka ia tetap boleh dijadikan hujah. Beliau berpendapat bahawa mustahil para sahabat Rasulullah SAW boleh berbohong, apatah lagi menokoh-tambah dalam bacaan al-Quran, sementelah al-Quran itu sendiri dalam peliharaan Allah (Al-Suyuti, 2006).

Oleh hal demikian ramai dalam kalangan sarjana tatabahasa bersetuju bahawa al-Quran adalah *shahid* utama dalam bidang ini. Kelestarian *shahid al-Quran* dalam kebanyakan karya agung tatabahasa juga menguatkan lagi kenyataan ini. Tidak ada satu karya dihasilkan dalam tatabahasa yang sunyi daripada mengambil al-Quran sebagai *shahid* utamanya (Jum^cah, 2009). Ini bermaksud semua kaedah tatabahasa Arab perlu tunduk kepada al-Quran dan bukan sebaliknya. Sehubungan dengan itu juga, agak pelik jika masih kedengaran kenyataan seperti al-Quran perlu dirungkaikan semula agar bertepatan dengan *qiyas* dalam tatabahasa.

Perkara inilah yang ditegaskan oleh al-Ansari (1984) bahawa tidak ada qiraat al-Quran yang tertolak atau terkeluar daripada tatabahasa, walaupun qiraat itu berstatus *shadh*. Sebaliknya, tatabahasa itulah yang perlu dimurnikan sedaya mungkin agar ia selari dengan al-

¹ Al-Suyuti telah mengkategorikan qiraat al-Quran kepada enam, iaitu *al-mutawatir*, *al-mashhur*, *al-ahad*, *al-shadh*, *al-mauduf* dan *al-mudarraj*. Beliau juga meriwayatkan daripada al-Bulqiniy bahawa qiraat al-mutawatir adalah yang disandarkan kepada tujuh qiraat yang masyhur manakala al-ahad kepada tiga lagi qiraat yang menjadikan 10 qiraat yang disepakati kesahihannya (Al-Suyuti, 1996). Al-Quran Rasm al-Uthmani yang masyhur pada hari ini adalah salah satu daripada qiraat *al-mutawatir* yang tidak pernah diragui kesahihannya oleh ulama Islam zaman berzaman (*qiraat Hafs^can^c Asim*).

Quran, seperti mengkategorikan kaedah tatabahasa kepada “banyak keadaan dalam tatabahasa” dan “sedikit keadaan dalam tatabahasa”. Sebagai contoh, boleh disandarkan *idha al-syartiyyah* kepada *jumlah fi'liyyah* dalam banyak keadaan dan disandarkan kepada *jumlah ismiyyah* dalam keadaan yang sedikit (Al-Ansari, 1984).

Bersandarkan kepada teori nahu al-Quran sebagaimana yang dicadangkan oleh al-Ansari (1984), boleh sahaja dibina ayat dalam bahasa Arab sama ada menggunakan *idha al-shartiyyah* bersama *jumlah fi'liyyah* atau *jumlah al-ismiyyah* tanpa sebarang kecacatan pada susunan (*tarkib*) tatabahasanya. Perkara ini secara tidak langsung dapat meluaskan skop pembinaan ayat dalam bahasa Arab dan memberi ruang kreativiti berbahasa seterusnya membentuk keindahan dan kecantikan susunan dalam berbahasa itu pula. Hal ini demikian kerana apabila sumber tatabahasa adalah kalam Allah, para ulama sependapat bahawa tidak akan ada kalam lain yang lebih tepat dan sempurna berbanding kalam Allah (Al-Dhunaybat, 2008).

3.0 BENTUK KAJIAN *SHAHID AL-QURAN* DALAM TATABAHASA ARAB

Selepas kemunculan teori Nahu al-Quran oleh al-Ansari (1984) yang menekankan kepada kepentingan al-Quran dijadikan rujukan utama dalam tatabahasa Arab, terdapat banyak kajian yang melihat fenomena dan kesan al-Quran dalam bidang tatabahasa ini termasuklah kajian *shahid al-Quran*. Dalam tempoh 31 tahun selepas kemunculan teori tersebut (1984-2015), terdapat lebih 19 kajian yang menggunakan istilah *shahid al-Quran* bagi melihat pengaruh dan kesan al-Quran yang digunakan sebagai *shahid* dalam tatabahasa. Jumlah ini tidak termasuk kajian dengan maksud dan tujuan yang sama tetapi menggunakan istilah yang lebih umum seperti sumber (Ismail, 1985) ataupun dalil (Busura, 1997). Begitu juga kajian yang tidak menggunakan apa-apa istilah yang membawa maksud *shahid al-Quran* secara langsung tetapi sarat dengan perbincangan melibatkan *shahid al-Quran* bersama *shahid-shahid* tatabahasa yang lain (Al-Rashidi, 2011; Dajlan, 1987; Futuh, 2006; Gully, 1995).

Kajian terkini melibatkan *shahid al-Quran* adalah kajian kitab *al-Mufasssal* karangan al-Zamakhshari (Al-^cAlani, 2014) dan kitab *Tashil Nayl Al-Amani* karangan Sheikh Ahmad Al-Fatani (Zamri et al., 2015) telah dilakukan.

Jadual 1 memaparkan sorotan literatur secara sistematik meliputi tahun kajian, latar belakang, isu, metodologi dan dapatan terdahulu berkaitan kajian *shahid al-Quran* dalam tatabahasa. Nama negara di mana kajian dilakukan turut dimuatkan dalam jadual berkenaan bagi melihat taburan dan tarikan kajian ini melewati dan merangkumi kebanyakan negara Islam. Prinsip matrik sorotan sistematik literatur atau *systematic literature review (SLR)* telah diikuti oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi melihat dengan jelas fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi et al., 2006). Dalam kajian ini kata kunci “*shahid al-Quran*” telah digunakan bagi mendapatkan data kajian. Enjin carian terdiri daripada *google scholar*, *scopus* dan *MyJurnal*. Skop carian pula dari tahun 1985 hingga tahun 2015. Daripada sejumlah 33 dokumen kajian *shahid al-Quran* yang diperolehi, hanya 21 dokumen sahaja diterima untuk analisis kerana baki 12 dokumen membincangkan *shahid al-Quran* dalam bidang yang lain seperti pengajian Islam, *ulum* syariat dan cabang lain pengajian bahasa Arab, iaitu ilmu *balaghah*.

Jadual 1: Sorotan sistematik literatur kajian *shahid al-Quran*

Kajian	Latar belakang	Isu/Gap	Metodologi	Dapatan
Ismail, 1985.	Kekurangan sumber rujukan pengajaran tatabahasa Arab	Sumber tatabahasa Arab berasaskan al-Quran	Kualitatif Analisis dokumen	Mengetengahkan al-Quran sebagai sumber utama pengajaran tatabahasa
Dajlan, 1987.	Meneroka penggunaan shahid al-Quran dalam karya tatabahasa Arab	Kajian kitab Sharh Ibn Aqil oleh Ibn Aqil	Kualitatif Analisis kandungan	Menentukan beberapa metodologi penggunaan shahid al-Quran dalam kitab Sharh Ibn Aqil
Gully, 1995.	Meneliti pengaruh tatabahasa (Nahu) dan Balaghah dalam karya Ibn Hisham	Kajian kitab Mughni Labib oleh Ibn Hisham	Kualitatif Analisis kandungan	Ibn Hisham lebih komprehensif dalam menggunakan alQuran sebagai hujah (shahid)
Busura, 1997.	Melihat kepenggunaan dalil qiraat al-Quran dalam pengajaran tatabahasa Arab	Kajian kitab <i>Sharh Shudhur al-Dhahab</i> oleh Ibn Hisham	Kualitatif Analisis kandungan	Menjelaskan shahid tatabahasa dalam kategori qiraat
Zamri, 1999.	Melihat pengaruh al-Quran dalam karya utama tatabahasa Arab	Kajian kitab Sharh Ibn Aqil oleh Ibn Aqil	Kualitatif Analisis kandungan	Menyenarai dan menganalisis setiap shahid al-Quran dalam kitab Shahr Ibn Aqil dan meletakkan dalam pola dan fungsi yang tertentu.
Al-Anzi, 2002.	Menguji keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab berasaskan shahid al-Quran	Kajian lapangan ke atas murid tahun 5 Sekolah Rendah di Arab Saudi	Kajian Kuantitatif melibatkan kumpulan kawalan dan rawatan	Terdapat kesan yang positif antara penguasaan murid dengan penggunaan shahid al-Quran dalam pengajaran nahu (<i>feel mudhari'</i>) dari segi peningkatan pencapaian.
Al-Mulhim, 2006.	Tertarik dengan kajian-kajian berkaitan kepenggunaan shahid al-Quran dalam karya nahu.	Kajian kitab Sharh al-Muqaddimah al-Muhisbah oleh Ibn Babsyaz.	Kualitatif Analisis kandungan	Ibn Babsyaz mempunyai metodologi tersendiri dalam menggunakan shahid al-Quran. Beliau lebih banyak memanfaatkan shahid quran berbanding syair.
Futuh, 2006.	Kepentingan shahid tatabahasa	Kajian dua tokoh sarjana tatabahasa Arab <i>maghrib</i> , iaitu Al-Ramani dan Al-Maliqi.	Kualitatif Analisis kandungan bentuk perbandingan	Kedua-dua sarjana lebih banyak menggunakan shahid syair berbanding jenis lain. Kurangnya penggunaan shahid al-Quran kerana kedua tokoh ini terlalu menyucikan kalam Allah dan mereka tidak ingin melakukan <i>ta'dil</i> .
Al-Dhunaybat, 2008.	Meneliti dakwaan sebahagian peserta seminar bahawa	Kajian tajuk-tajuk tatabahasa dalam kitab al-Insaf yang	Kualitatif Analisis Kandungan	Shahid al-Quran digunakan utk <i>tarjih</i> khilaf bukan ia pencetus khilaf. Khilaf dikesan pada masalah

Kajian	Latar belakang	Isu/Gap	Metodologi	Dapatan
Naji, 2008.	penggunaan shahid al-Quran mencetuskan khilaf antara ulama tatabahasa Arab Teruja dengan limpahan kajian shahid dalam karya sarjana tatabahasa Arab.	lazimnya menjadi khilaf antara ulama. Kajian kitab al-Kamil oleh Al-Mubarrid	Kualitatif Analisis kandungan	qiyasiyah bukannya naqliyah. Disenaraikan juga keistimewaan shahid Quran yg digunakan sebagai contoh, penangkis dan padanan hujah. Menkategorikan penggunaan shahid al-Quran dalam kitab al-Kamil dari segi sautiyyah, sorfiyyah, nahwiyah dan makna 24 <i>mufradat</i> , kemudian mengemukakan perbincangan penggunaan shahid oleh al-mubarrid berbanding para <i>nuhat</i> .
Al-Awadi & Al-Asadi, 2010.	Mengetengahkan Ibn Fallah sebagai tokoh tatabahasa dan ketinggian darjat al-Quran sebagai shahid tatabahasa	Kajian tokoh Ibn Fallah menerusi kitab Al-Mughni fi Al-Nahw	Kualitatif Analisis kandungan	Antara ulama tatabahasa mutakhir yang banyak memanfaatkan <i>shahid al-Quran</i> dalam karyanya. Mengeluarkan metod penggunaan <i>shahid al-Quran</i> seperti isyarat <i>shahid</i> , pola penggunaan <i>shahid</i> (guna lebih dari satu <i>shahid</i> , mendahulukan contoh daripada <i>shahid</i> , melakukan <i>i'rab shahid al-Quran</i> . Kajian turut menyenaraikan 12 fungsi <i>shahid al-Quran</i> .
Al-Rashidi, 2011.	Kajian shahid tatabahasa dalam dua buah karya sarjana utama.	Kajian bandingan penggunaan shahid tatabahasa dalam karya Al-Muradi dan Ibn Hisham	Kualitattif Analisis kandungan Analisis kontrasif	Mendapati Ibn Hisham banyak terpengaruh dengan al-Muradi dalam penulisan, namun penggunaan <i>shahid al-Quran</i> oleh Ibn Hisham lebih banyak berbanding <i>shahid</i> syair dan al-Muradi pula sebaliknya.
Taqi, 2011.	Meneroka kitab Mughni Al-Labib yang banyak menggunakan shahid al-Quran.	Kajian kitab Mughni Al-Labib oleh Ibn Hisham	Kualitatif Analisis Kandungan	Mendapati tiga asas utama (<i>tawjih</i>) daripada penggunaan shahid al-Quran iaitu tawjih sima'i, tawjih pandangan ulama dan tawjih makna perkataan.
Zamri & Kaseh, 2011.	Teori Nahu Al-Quran yang menggesa agar Al-Quran perlu dijadikan rujukan utama dalam pengajaran tatabahasa Arab	Kajian bandingan penggunaan shahid al-Quran dalam kitab Ibn Hisham dan Ibn Aqil menerusi bab al-Marfuat.	Kualitatif Analisis kandungan & Analisis kontrasif	Ibn Hisham lebih komprehensif dan berkesan menggunakan shahid al-Quran dalam kuantiti yang lebih banyak berbanding Ibn Aqil. Dapatan kajian turut menyokong teori Nahu al-Quran.
°Ata Allah, 2012.	<i>Shahid al-Quran</i> kemungkinan mengandungi dilalah-dilalah	Kajian dilalah penggunaan <i>shahid al-Quran</i>	Kualitatif Analisis kandungan	Penggunaan shahid al-Quran dalam kitab <i>Sharh Ibn Aqil</i> mengandungi dilalah-dilalah yang tertentu. Bukan semata-

Kajian	Latar belakang	Isu/Gap	Metodologi	Dapatan
	yang menjelaskan lagi fungsi shahid al-Quran itu sendiri	dalam kitab <i>sharh Ibn Aqil</i>		mata dijadikan contoh kaedah atau penguat. Ia mengandungi makna-makna yang mengetengahkan lagi mukjizat al-Quran itu sendiri.
Zamri et al., 2012.	Aplikasi kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan <i>shahid al-Quran</i>	Kajian keberkesanan Gaya <i>Shahid al-Quran</i> terhadap Murid tahun Lima di tiga buah Sekolah Rendah di Terengganu (Kosa Kata Arab)	Kajian Kuantitatif melibatkan Kumpulan kawalan dan rawatan	Pelajar lebih bermotivasi belajar bahasa Arab (kosa kata) dengan mengaitkan PdP dengan al-Quran. Peningkatan skor min kumpulan rawatan (PdP GSQ) berbanding kumpulan kawalan dari segi kefahaman perkataan arab, keseronokan belajar bahasa Arab dan keinginan membaca al-Quran.
Bu ^c abbas, 2014.	Penggunaan shahid al-Quran dalam dua buah kitab kaangan sarjana tatabahasa permulaan.	Kajian perbandingan penggunaan shahid al-Quran dalam kitab Sibawayh dan Al-Mubarrid	Kualitatif Analisis kandungan & Analisis kontrasitif	Kedua-dua sarjana memanfaatkan shahid al-Quran dengan berkesan dalam karya mereka malah Sibawayh lebih komprehensif kerana dilihat melangkah lebih jauh dalam menghuraikan shahid al-Quran melangkaui unsur tarkib dan dilalah. Kajian turut menjawab beberapa isu qiraat yang ditohmahkan kepada kedua-dua sarjana.
Imran et al. 2014.	Al-Quran adalah rujukan utama sarjana tatabahasa silam termasuklah Sibawayh	Kajian kitab Sibawayh dengan memfokus kepada isu tohmahan para sarjana terhadap Sibawayh dan karyanya <i>Al-Kitab</i> .	Kualitatif Analisis kandungan	Menjawab tohmahan-tohmahan ke atas Sibawayh dan kitabnya terutama menjawab kekeliruan beberapa sarjana terhadap isu shahid syair lebih banyak daripada shahid al-Quran dalam kitab berkenaan. Di samping menjelaskan isu qiraat dalam kitab Sibawayh yang dijadikan asas tohmahan oleh Al-Ansari (1984) melalui teori Nahu Al-Quran ke atas Sibawayh.
Al-Sa ^c di, 2014.	Al-Quran adalah sumber utama tatabahasa tanpa perlu kepada pertikaian. Ia diturunkan secara fasih, baligh dan bermukjizat	Kajian pada sudut <i>dilalah ism tafdhil wazan af'ala</i> yang digunakan sebagai shahid tatabahasa	Kualitatif Analisis dokumen	Mendapati bahawa Al-Quran tidak dimasuki <i>darurah</i> spt syair. Sekiranya dibuang syair yang terlibat <i>darurah</i> dalam al-Kitab pun nescaya jumlah shahid syair berkurangan hampir 80%. Pada masa sama Ibn Hisham dalam <i>al-mughni</i> guna hampir 3000 <i>shahid al-Quran</i> . Selain itu, kajian ini mendapati <i>dilalah</i> tertentu di sebalik <i>ism tafdhil wazan</i>

Kajian	Latar belakang	Isu/Gap	Metodologi	Dapatan
				<i>af'ala</i> yang digunakan sebagai <i>shahid</i> tatabahasa.
Al-Jasim, 2014.	Tatabahasa dibina atas dasar keseimbangan berlaku kesalahan dalam membaca dan memahami al-Quran, adalah khidmat kepada al-Quran itu sendiri	Mengkaji fungsi shahid al-Quran dalam tatabahasa secara umum	Kualitatif Analisis dokumen dan kandungan	Menyenaraikan beberapa fungsi shahid al-Quran, antaranya ta'sis al-Qaiedah, ta'yid, ta'ziz, dalil kathrah isti'mal dll.
Zamri et al. 2015.	Kajian shahid al-Quran dalam karya tokoh tatabahasa	Kajian tokoh tatabahasa Nusantara, iaitu Sheikh Ahmad al-Fatani	Kualitatif Analisis dokumen dan kandungan Analisis temaitik	Turut menemukan pola, fungsi dan tawjih penggunaan shahid al-Quran dalam korpus kajian. Sheikh Ahmad banyak guna shahid al-Quran (212 shahid dalam kitab 37 mukasurat sahaja).

Berdasarkan Jadual 1 di atas, dapat dibuat beberapa kesimpulan terhadap kajian literatur *shahid al-Quran* yang dilakukan oleh para pengkaji terdahulu seperti berikut:

3.1 Metodologi Kajian

Dari segi metodologi, kajian *shahid al-Quran* dijalankan sama ada dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif. Namun begitu, kajian dalam bentuk kualitatif lebih mendominasi kajian *shahid al-Quran* dijalankan berbanding hanya dua buah kajian berbentuk kuantitatif, iaitu kajian Al-Anzi (2002) dan Zamri et. al. (2012). Hal ini kerana kebanyakan kajian *shahid al-Quran* yang dilakukan melibatkan analisis kandungan sesebuah karya tatabahasa, manakala jika dilihat dari sudut objektif kajian pula, kebanyakannya kajian penerokaan, bandingan antara karya tatabahasa, penelitian ke atas fenomena *shahid al-Quran* itu sendiri dan sebagainya. Dengan sebab itu, bentuk kajian yang sesuai berdasarkan latar belakang dan objektif kajian yang tersebut adalah bentuk kajian kualitatif.

3.2 Kajian analisis dokumen dan analisis kandungan

Dalam bentuk kajian kualitatif, jelas daripada Jadual 1 di atas bahawa kaedah analisis dokumen dan analisis kandungan dilihat lebih mendominasi kajian *shahid al-Quran*. Dengan menggunakan kaedah ini, ramai pengkaji memilih untuk melakukan kajian sama ada ke atas sebuah karya tatabahasa sahaja (Al-Awadi & Al-Asadi, 2010; Al-^cAlani, 2014; Al-Dhunaybat, 2008; Al-Mulhim, 2006; Busura Talib, 1997; ^cAta Allah, 2012; Imran et al., 2014; Naji, 2008; Taqi, 2011; Zamri et al., 2015; Zamri, 1999) ataupun melakukan kajian bandingan antara dua buah karya berbeza (Bu^cabbas, 2014; Zamri & Kaseh, 2011). Di samping itu, terdapat kajian analisis ke atas karya-karya tatabahasa secara umum turut dilakukan tanpa menghadkan data kajian kepada karya mana-mana tokoh (Al-Jasim, 2014; Al-Sa^cdi, 2014; Ismail, 1985).

3.3 Logistik kajian *shahid al-Quran*.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, jika aspek kajian dilihat dari segi logistik, kajian *shahid al-Quran* kini telah menarik minat para pengkaji melangkaui hampir seluruh pelosok dunia Islam. Kajian

paling banyak dilakukan di negara Arab Saudi. Hal ini bersesuaian dengan teori Nahu al-Quran Al-Ansari (1984) yang mula dipopularkan di sana. Tambahan pula ramai tokoh tatabahasa yang lebih cenderung kepada metodologi al-Quran dalam tatabahasa ini lahir daripada kalangan mereka yang bermazhab Basrah seperti Sibawayh dan al-Mubarrid (Bu^cabbas, 2014; Imran et al., 2014; Naji, 2008). Mazhab Basrah dikatakan mendahului mazhab Kufah dalam penerokaan ilmu ini hampir lebih 100 tahun (Kamarul Shukri, 2010). Pun begitu, kajian *shahid al-Quran* turut dilakukan di luar Arab Saudi, iaitu negara Jordan (Al-Dhunaybat, 2008; Dajlan, 1987; Zamri, 1999), Palestin (Futuh, 2006), Kuwait (Bu^cabbas, 2014), Iraq (Al-Sa^cdi, 2014), Qatar (Al-Jasim, 2014) termasuk juga negara Malaysia (Busura, 1997; Ismail, 1985; Zamri & Kaseh, 2011; Zamri et al., 2015) dan Indonesia (Hafni, 2008).

3.4 Kajian deskriptif dan penerokaan baharu.

Kajian deskriptif menumpukan kepada huraian terhadap sesuatu fenomena atau isu (Creswell, 2012). Berdasarkan isu atau fokus kajian *shahid al-Quran* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di atas, para pengkaji dilihat menghuraikan penggunaan *shahid al-Quran* dalam sesebuah karya tatabahasa seperti yang dilakukan Zamri (1999) yang menghuraikan *shahid al-Quran* dalam kitab *Sharh Ibn 'Aqil*, Muhammad Khairul Faizi (1999) pula menghuraikan *shahid al-Quran* dalam kitab *Sharh Qatr al-Nada wa Ball al-Sada*, Zamri dan Kaseh (2011) menghuraikan *shahid al-Quran* secara perbandingan di antara kitab *Sharh Ibn 'Aqil* dan *Sharh Qatr al-Nada wa Ball al-Sada* menerusi satu bab, iaitu *al-Marfu'at*. Para pengkaji tersebut melakukan huraian dari segi pola penggunaan dan fungsi *shahid al-Quran* dalam korpus kajian masing-masing.

Kini kajian *shahid al-Quran* mula dilakukan dengan lebih serius dan melibatkan penemuan baharu dalam bidang ini. Kajian lebih mendalam dilakukan di peringkat doktor falsafah seperti kajian Taqi (2011) yang telah menemukan *tawjih shahid al-Quran*, iaitu asas atau rasional sesuatu *shahid al-Quran* itu digunakan. Begitu juga Al-Dhunaybat (2008) melalui penerokaannya telah menjawab isu yang agak besar dalam bidang tatabahasa, iaitu mendapati bahawa *shahid al-Quran* bukanlah pencetus perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana sebaliknya ia datang dalam banyak keadaan sebagai pendamai dalam kalangan pendapat tokoh tatabahasa itu sendiri.

3.5 Kajian huraian (*i'rab*) *shahid al-Quran*

Merujuk Jadual 1 di atas juga, kajian *shahid al-Quran* turut didapati dalam bentuk kajian huraian (*i'rab*) *shahid al-Quran* yang terdapat dalam kitab-kitab utama tatabahasa. Pengkaji mengumpul kesemua *shahid al-Quran* seterusnya melakukan *i'rab* yang lengkap ke atas *shahid al-Quran* berkenaan seperti yang dilakukan ke atas kitab *Sharh Qatr Al-Nada* oleh al-Khawwam (2004) dan kitab *Sharh Ibn Aqil* oleh beberapa orang sarjana lain seperti al-Jarjawi (t.th.), Qasim (2004) dan Abdul Jawwad Hussain (Al-Mulhim, 2006).

4.0 KRITIKAN TERHADAP KAJIAN SHAHID AL-QURAN DALAM TATABAHASA

Analisis sistematik sorotan literatur sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 sebelum ini memberi maklumat bahawa kajian-kajian terdahulu berkaitan *shahid al-Quran* dalam tatabahasa, secara tidak langsung telah membantu kajian seterusnya untuk meneliti perkara yang telah dilakukan di samping mencari ruang yang masih belum dilakukan dalam bidang ini.

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa kajian *shahid al-Quran* lebih didominasi oleh kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu sebanyak 19 daripada 21 kajian yang telah dikenal pasti. Baki dua kajian adalah menggunakan pendekatan kuantitatif.

Oleh yang demikian, kajian berbentuk kualitatif ini boleh dipilih oleh pengkaji sekiranya objektif kajian adalah untuk meneroka, membuat perbandingan ataupun memahami fenomena terhadap sesuatu isu (Stake, 2010).

Berdasarkan Jadual 1 juga, terdapat ramai pengkaji yang melakukan kajian *shahid al-Quran* berdasar kitab turath (karya sarjana utama dalam sesuatu bidang yang dijadikan bahan pengajian secara bacaan kulit ke kulit di pusat pengajian tradisional). Tidak hairanlah sekiranya didapati 14 kajian daripada 21 kajian *shahid al-Quran* yang dianalisis, telah dijalankan berasaskan kepada sama ada satu kitab turath ataupun secara perbandingan antara dua buah kitab turath. Sementelah kajian kitab turath telah lama menarik perhatian para pengkaji dalam bidang ini. Faiz (1982) menjelaskan “Saya telah memilih *uslub* yang menggunakan *shawāhid* daripada al-Qur’an dan daripada kitab turath *al-‘Arab* yang dijadikan *shāhid* di dalam kitab-kitab nahu”. Pengajian berasaskan kitab turath seharusnya tidak dikesampingkan kerana pusat pengajian yang menawarkan pembelajaran berasaskan kitab turath juga memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan yang berilmu.

Sekiranya diperhalusi, kajian *shahid al-Quran* dalam kitab turath ini pula lebih tertumpu pada karya-karya sarjana terkemuka dalam bidang tatabahasa seperti karya *al-Kitab* oleh Sibawayh (Bu‘abbas, 2014; Imran et al., 2014), karya *al-Muqtadab* oleh al-Mubarrid (Bu‘abbas, 2014) karya *al-Kamil* oleh Al-Mubarrid (Naji, 2008), karya *Sharh Ibn ‘Aqil* oleh Ibn ‘Aqil (‘Ata Allah, 2012; Zamri & Kaseh, 2011; Zamri, 1999) dan juga pelbagai karya agung karangan Ibn Hisham (Busura, 1997; Muhammad Khairul Faizi, 1999; Taqi, 2011; Zamri & Kaseh, 2011). Kitab-kitab karya sarjana-sarjana tersebut sememangnya dipelajari secara pengajian dari kulit ke kulit sejak zaman berzaman dan ada yang masih dipelajari sehingga kini di pusat-pusat pengajian tradisional seperti di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan (Azrul, 2014).

Kajian *shahid al-Quran* ke atas kitab turath seperti yang tersebut ini menjelaskan kepentingan kajian seumpamanya diteruskan. Terutama kajian yang melibatkan kitab turath yang masih dipelajari di pusat pengajian tradisional setempat sehingga kini. Perkara ini demikian bagi memberi nilai tambah kepada usaha memartabatkan karya-karya agung berkenaan dalam bidang tatabahasa di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Berdasarkan Jadual 1 juga, didapati kajian lampau *shahid al-Quran* lebih tertumpu pada kitab-kitab turath karangan sarjana Arab. Sewajarnya kajian ke atas kitab turath tinggalan sarjana bukan Arab terutama sarjana tempatan di mana kajian itu dilakukan seperti Malaysia turut disemarakkan. Kajian *shahid al-Quran* melibatkan sarjana tempatan di mana kajian itu dilakukan sememangnya telah mula dilakukan oleh beberapa pengkaji terdahulu (Al-Awadi & Al-Asadi, 2010). Kajian tersebut dilakukan ke atas kitab turath yang dikarang oleh sarjana tempatan yang berasal dari Negara Yaman. Kajian ini menyatakan dengan jelas bahawa tujuan kajian dilakukan adalah bagi mengetengahkan usaha sarjana tempatan (Yaman) ke peringkat antarabangsa sebaris sarjana dari semenanjung Arab.

Berdasarkan latar belakang kajian terdahulu juga, selain mengetengahkan usaha para sarjana, kajian *shahid al-Quran* dalam kitab turath turut dijalankan berdasarkan sebab-sebab yang berikut:

- i. Terdapat jumlah penggunaan *shahid al-Quran* yang banyak dalam sesebuah karya seperti yang dilakukan oleh Muhammad Khairul Faizi (1999) yang mengkaji kitab *Sharh Qatr al-Nada wa Ball al-Sada* karya Ibn Hisham kerana lambakan *shahid al-Quran* yang begitu banyak dalam karya berkenaan.

- ii. Ketokohan seseorang sarjana tatabahasa sehingga menjemput pengkaji untuk melakukan kajian ke atas karya-karya mereka. Ketokohan Sibawayh telah menjemput ramai pengkaji bagi meneliti karya beliau dalam pelbagai disiplin termasuk *shahid al-Quran* (Hathat, 2006). Sementelah pula Sibawayh telah dikatakan antara sarjana silam yang mengabaikan al-Quran sebagai sumber utama tatabahasanya (Al-Ansari, 1984). Namun hasil beberapa kajian menunjukkan bahawa dakwaan seperti ini adalah meleset kerana Sibawayh adalah tokoh yang mengutamakan al-Quran sebagai *shahid* tatabahasanya (Bu^cabbas, 2014; Imran et al., 2014).

Selain Sibawayh, ketokohan Ibn Hisham juga turut mendapat perhatian ramai pengkaji dalam bidang *shahid al-Quran*. Antara dapatan kajian berkenaan termasuklah peneguhan kepada kenyataan yang dibuat oleh Ibn Khaldun bahawa Ibn Hisham terlebih alim tatabahasa daripada Sibawayh kerana beliau telah memanfaatkan kefahamannya menggunakan al-Quran sebagai *shahid* dalam karya-karyanya secara komprehensif (Gully, 1995; Zamri & Kaseh, 2011).

- iii. Kemasyhuran sesebuah karya juga tidak menafikan kebarangkalian karya itu dipilih untuk dikaji. Ramai pengkaji memilih karya-karya agung yang tersohor dalam bidang tatabahasa untuk dilakukan penelitian ke atas penggunaan *shahid al-Quran* di dalamnya. Sebagai contoh karya *al-Kitab* karangan Sibawayh sendiri (Imran et al., 2014), karya *al-Muqtadab* karangan Al-Mubarrid (Bu^cabbas, 2014; Jum^cah, 2009), karya *Mughni al-Labib* karangan Ibn Hisham (Gully, 1995; Taqi, 2011), karya *Sharh Ibn ^cAqil* karangan Ibn ^cAqil (^cAta Allah, 2012; Qasim, 2004), karya *Sharh Qatr Al-Nada wa Ball Al-Sada* karangan Ibn Hisham (Al-Khawwam, 2004; Muhammad Khairul Faizi, 1999; Zamri & Kaseh, 2011).

Kesimpulan daripada perbincangan ini telah menjelaskan bahawa alasan memilih pendekatan kualitatif berbanding kuantitatif sebagai reka bentuk kajian *shahid al-Quran* seterusnya adalah wajar berdasarkan kepada dominasi kajian *shahid al-Quran* yang dilakukan sebelum ini.

Begitu juga didapati ruang dan peluang kajian *shahid al-Quran* ke atas kitab-kitab turath sangat luas. Walaupun para pengkaji Arab sebelum ini telah mengambil hampir keseluruhan korpus kajian yang berpengaruh yang dikarang pula oleh sarjana tatabahasa Arab yang terkemuka, Namun hal ini secara tidak langsung membuka ruang kepada para pengkaji lain, khususnya pengkaji bukan Arab untuk meneliti karya tatabahasa yang dilakukan oleh sarjana yang kurang masyhur dalam kalangan pengkaji Arab terutama mereka yang berasal dari luar tanah Arab seperti Sheikh Ahmad al-Fatani dari Nusantara.

Walau bagaimanapun, pemilihan sesuatu karya tatabahasa itu perlulah mengambil kira kesemua rasional pemilihan korpus sebagaimana yang dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini. Rasional pemilihan adalah seperti sesuatu korpus itu mempersembahkan bilangan *shahid al-Quran* yang banyak, dikarang oleh seorang tokoh tatabahasa yang berpengaruh, karya pilihan juga masih menjadi rujukan dalam kalangan pencinta tatabahasa Arab, selain ia masih dipelajari sehingga kini sama ada di institusi pendidikan formal atau tradisional, hatta atas alasan mengetengahkan tokoh tatabahasa tempatan juga turut boleh dipertimbangkan.

5.0 RANGSANGAN KAJIAN *SHAHID AL-QURAN* DALAM TATABAHASA

Analisis sistematik sorotan literatur sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 juga memberi maklumat untuk membincangkan dengan lebih terperinci tentang beberapa rangsangan atau latar belakang kajian *shahid al-Quran* itu dilakukan.

Rangsangan utama yang menjadi pemangkin kepada kajian *shahid al-Quran* adalah menentengahkan usaha tokoh-tokoh tatabahasa dalam memanfaatkan al-Quran sebagai sumber utama dalam tatabahasa. Rangsangan ini bagi menjawab persoalan atau dakwaan beberapa pengkaji yang menyatakan bahawa sarjana tatabahasa terutama sarjana silam tidak menjadikan al-Quran sebagai sumber utama sebaliknya mengambil syair dan ujaran Arab lain sebagai ganti (Imran et al., 2014).

Rangsangan seterusnya yang menarik kajian *shahid al-Quran* adalah kekurangan sumber rujukan tatabahasa yang membincangkan secara khusus tentang *shahid al-Quran*. Faktor ini mengundang kajian dilakukan bagi melihat kepenggunaan *shahid al-Quran* dari segi taburan, pola, fungsi dan *tawjih* *shahid* berkenaan (Dajlan, 1987; Zamri & Kaseh, 2011).

Rangsangan berikutnya adalah dakwaan bahawa penggunaan *shahid al-Quran* mencetuskan perbezaan pendapat dalam tatabahasa. Bersandarkan kenyataan itu, satu kajian menggunakan kitab utama dalam membincangkan perselisihan (kitab *al-Insaf fi Masail al-Khilaf*) telah dilakukan bagi meneliti kesahihan dakwaan yang berkenaan. Pengkaji akhirnya mendapati bahawa dakwaan yang dikemukakan itu tidak berasas sama sekali kerana *shahid al-Quran* yang digunakan dalam banyak keadaan didatangkan bagi merungkaikan perbezaan pendapat bukannya sebagai pencetus perbezaan atau *khilaf* (Al-Dhunaybat, 2008).

Didapati juga antara rangsangan yang telah menarik kajian *shahid al-Quran* adalah keinginan para pengkaji untuk meneliti penggunaan *shahid al-Quran* ini dalam sesebuah karya tatabahasa. Lebih-lebih lagi karya yang digolongkan dalam kategori agung dalam bidang ini seperti karya al-Kitab karangan Sibawayh, al-Muqtadab karangan Al-Mubarrid dan beberapa karya Ibn Hisham. Walau bagaimanapun, keinginan kajian karya juga turut menarik perhatian sarjana tatabahasa yang turut mengkaji karya kurang tersohor seperti karya Ibn Fallah Al-Yamani (Al-Awadi & Al-Asadi, 2010).

6.0 KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Mutakhir ini, kajian *shahid al-Quran* terus dilakukan bagi meneliti makna atau semantik kepenggunaannya (Al-Sa'adi, 2014; 'Ata Allah, 2012). Hal ini kemungkinan dipengaruhi oleh pendapat yang menyatakan bahawa tatabahasa Arab bukan semata-mata perbincangan kaedah yang jumud, sebaliknya mengandungi makna-makna yang menjadikan bahasa Arab itu indah (Al-Samarai, 2000). Selain itu, keindahan susunan atau *tarkib* ini yang dapat memandu umat Islam memahami bahawa al-Quran itu mukjizat, iaitu tidak dapat ditandingi keindahannya oleh mana-mana ujaran bahasa Arab yang lain. Kajian seperti ini telah memberikan nilai tambah yang baharu terhadap kajian *shahid al-Quran* bahkan ia membuka ruang kajian yang lebih luas dalam bidang ini.

Sebagai contoh kajian semantik *shahid al-Quran* dalam *Sharh Ibn 'Aqil* yang dilakukan oleh 'Ata Allah (2012), iaitu kajian dalam bentuk *i'jaz al-ta'thiri* daripada petikan daripada ayat al-Quran *يَأْكُلُ مِمَّا تَأْكُلُونَ مِنْهُ وَيَشْرَبُ مِمَّا تَشْرَبُونَ* (surah al-Mu'minun:33) yang dijadikan *shahid* kepada topik *hadhf al-ʿid* dalam perbincangan *ism al-mausul*. Dalam perbincangan ini, *ʿid* yang di*hadhf*kan adalah *jar* dan *majrur* (Ibn Aqil, t.th.). Kajian tersebut mendapati *Hadhf*

yang berkenaan adalah bagi melestarikan keseluruhan surah al-Mu'minun dari segi keindahan iramanya kerana kebanyakan ayat-ayat dalam surah ini berakhir dengan *mad °arid li al-sukun* bermula dari ayat yang pertama lagi. Keindahan irama yang dikesan oleh pendengaran inilah disebut sebagai *i°jaz ta'thiri* dalam diri manusia (Ali Yahya, 2015). Malah kajian keindahan al-Quran ini sebenarnya amat luas. Keindahan ini hadir dalam pelbagai bentuk yang lain seperti keindahan meraikan latar belakang surah dan kesinambungan ayat-ayat dan surah dalam al-Quran itu sendiri (Al-Samarai, 2003; °Ata Allah, 2012).

Selain *i°jaz ta'thiri*, *shahid al-Quran* yang dibawakan dalam perbincangan di atas urut mengandungi perbincangan *i°jaz °ilmi*. Perbincangan tersebut pula telah membuka ruang tafsiran ayat ini dengan lebih meluas, iaitu secara tersembunyi ayat ini menegaskan bahawa nabi Hud memang memakan makanan sama yang dimakan oleh kaumnya tetapi tidak meminum minuman yang sama. Hal ini kerana semantik kedua-dua *fi°l* tersebut (*ya'kulu* dan *yashrabu*) mengandungi kesemua jenis makanan dan minuman. Apabila dinyatakan *a°id* bagi *fi°l ya'kulu* tetapi tidak bagi *fi°l yashrabu*, maka ayat ini seolah-olah membuat satu penegasan lain, iaitu nabi Hud tidak meminum arak. Hakikatnya semua jenis makan pada zaman itu adalah halal tetapi tidak semua jenis minuman adalah halal kerana arak diharamkan dalam setiap syariat para nabi (°Ata Allah, 2012).

7.0 PENUTUP

Begitulah antara keindahan kajian semantik *shahid al-Quran*. Rentetan itu, kajian ini menyarankan agar usaha kajian *shahid al-Quran* diteruskan lagi bagi meneliti atau meneroka kemungkinan besar *shahid al-Quran* yang digunakan oleh para sarjana terkemuka dalam karya mereka, sebenarnya ada mengandungi pelajaran lain yang tersurat mahupun tersirat. Ruang kajian tersebut adalah seperti meneliti nilai-nilai tambahan yang dapat dikongsikan bersama para pelajar di samping pengajaran dan pembelajaran ilmu tentang kaedah tatabahasa.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

Adnan Suemae. (2005). *Al-Sheikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zin al-Fatani wa juhuduh fi al-Lughah al-°Arabiah* (Tesis Doktor Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

Al-Ansari, A. M. (1984). *Nazariyat al-nahw al-Qurani; Nash'atuha wa tatawwuruha wa muqawwamatuha al-asasiyyah*. Dar al-Qiblah.

Al-Anzi, S. H. H. (2002). *Athar ta°lim qawa°id al-lughah al-°arabiyah bi istikhdam al-shahid al-qurani fi tahsil talamidh al-saf al-khamis al-ibtidai*. Arab Saudi: Maktabat al-Malik °Abd al-°Aziz al-°Ammah.

Al-Awadi, H. M. R., & Al-Asadi, M. H. °A. (2010). Al-Shahid al-Qurani °ind Ibn Fallah al-Yamani fi kitabihi al-mughni fi al-nahw. *Majallat Kulliyat al-Tarbiyah al-Asasiyyah*, 64, 35–46.

Al-°Alani, M. A. (2014). *Al-Shahid al-Qurani fi kitab al-mufassal li al-zamakhshari*. Tunisia: Dar Sahnun.

Al-Dhunaybat, B. H. (2008). *Al-Shahid al-Qurani mi°yaran fi khilafat al-nahwiyyin min khilal kitab al-insaf* (Tesis Doktor Falsafah), Universiti Mu'tah, Jordan.

Ali Yahya, M. H. A. (2015). Al-I°jaz al-ta'thiri li al-Quran al-Karim. *International Seminar on*

al-Quran in Comtemporany Society (SQ2015). Kuala Terengganu: Fakulti Kontemporari Islam. Universiti Sultan Zainal Abidin.

- Al-Jarjawi, °A. °I. (t.th.). *Sharh shawahid Ibn °Aqīl*. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-°Arabiyyah.
- Al-Jasim, M. H. (2014). *Al-Shahid al-Qurani fi ta°addud awjuh al-tahlil al-nahwi*. Dalam *Seminar Tahunan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-4 (MUQADDAS-4)*. Kuala Lumpur: Center of Quranic Research, Universiti Malaya.
- Al-Khawwam, R. H. (2004). *I°rab al-shawahid al-quraniyyah wa al-ahadith al-nabawiyyah al-sharifah fi kitab sharh qatr al-nada wa ball al-sada li Ibn Hisham al-Ansari*. Beirut: Al-Maktabah al-°Asriyyah.
- Al-Lubdi, M. S. N. (1985). *Mukjam al-mustalahat al-nahwiyyah wa al-sarfiiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah dan Dar al-Furqan.
- Al-Mulhim, °A. N. (2006). *Al-Shawahid al-quraniyyah fi shuruh Ibn Babsyadh li muqaddimatihi al-muhisbah: Dirasah nahwiyyah*, (Tesis Sarjana), Universiti Raja Faisal, Arab Saudi.
- Al-Nayilah, °A. °U. (1976). *Al-Shawahid wa al-Istishhad fi al-Nahwi*. Baghdad: Matba°at al-Zahra'.
- Al-Rashidi, °A. A. (2011). *Al-Shahid al-nahwi ind al-muradi fi kitabihi tawdih al-maqasid wa al-masalik wa Ibn Hisham fi kitabihi audah al-masalik* (Tesis Sarjana), Universiti Mu'tah, Jordan.
- Al-Sa°di, °A. °A. (2014). *Athar al-shahid al-quran fi qawa°id al-nahw al-°arabi*. *Seminar Tahunan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-4 (MUQADDAS-4)*. Kuala Lumpur: Center of Quranic Research, Universiti Malaya.
- Al-Samarai, F. S. (2000). *Ma°ani al-nahw*. Amman Jordan: Dar al-Fikr.
- Al-Samarai, F. S. (2003). *Lamasat bayaniyyah fi nusus min al-tanzil* (3rd ed.). Amman Jordan: Dar °Ammar.
- Al-Suyuti, J. (2006). *Al-Iqtirah fi usul al-nahw*. (°Abd al-Hakim °Atiyyah & °Alauddin °Atiyyah, Eds.) (2nd ed.). Dar al-Biruni.
- Al-Suyuti, J. (1996). *Al-Itqan fi ulum al-Quran*. (Mustafa Dib al-Bugha, Ed.) (3rd ed.). Damsyik: Dar Ibnu Kathir.
- °Ata Allah, Q. K. (2012). *Al-Taqrir al-nahwi li al-shahid al-Qurani fi Sharh Ibn °Aqil: Dirasat Dilaliyyah*. *Majallat Dirasat al-Kufah*, (25), 93–115.
- Azrul Basarudin. (2014). *Transkrip temubual pada 4 November 2014*. Kuala Lumpur: Syarikat Khazanah Fataniyyah.
- Bu°abbas, H. A. (2014). *Al-Shahid al-Qurani bayn Sibawayh wa al-Mubarrid*. *Seminar Tahunan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-4 (MUQADDAS-4)*. Kuala Lumpur: Center of Quranic Research, Universiti Malaya.
- Busura Talib. (1997). *Dalil-dalil al-Quran dalam kitab sharh shudhur al-dhazab oleh Ibn Hisham: Satu Kajian Analisis*, (Tesis Sarjana), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitavie and qualitative research*. t.tp: t.pt.

- Dajlan, M. L. Z. (1987). *Ibn 'Aqil fi sharhih li al-fiyyah manhajuhu wa fawaiduhu* (Tesis Sarjana), Universiti Yarmouk, Jordan.
- Faiz, 'A. (1982). *Tatbiqat nahwiyah: Uslub jadid fi tadris al-nahw*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Futuh, F. H. R. (2006). *Al-Shahid al-nahwi bayn kitabay ma'ani al-huruf li al-Rummani wa Rasf al-mabani fi sharh huruf al-ma'ani li al-Maliqi* (Tesis Sarjana), Universiti al-Najah al-Wataniyah, Palestin.
- Gully, A. (1995). *Grammar and semantics in medieval Arabic: A study of Ibn Hisham's Mughni l'Labib*. England: Curson Press Ltd.
- Hafni Bustami. (2008). *Metode nahu al-Zamakhsyariy (Analisis terhadap penggunaan dalil nahu dalam tafsir al-kasysyaf)*. UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Hathat, A. (2006). *Al-Istidlal al-nahw fi kitab sibawayh wa atharuhu fi tarikh al-nahw*. Halab: Dar al-Qalam al-'Arabi.
- Ibn 'Aqil, 'A. 'A. (t.th.). *Sharh Ibn 'Aqil*. (Taha Muhammad Zaini, Ed.). Maydan al-Azhar: Maktabat Muhammad Ali Sabih wa Auladuh.
- Ibn Manzur, J. M. M. (1994). *Lisan al-Arab* (3rd ed.). Beirut: Dar Sadir dan Dar al-Fikr.
- Imran, R. 'A. A., Hershah, M. S. & Hukumah, I. M. K. (2014). *Al-Shahid al-Qurani fi kitab Sibawayh. Seminar Tahunan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-4 (MUQADDAS-4)*. Kuala Lumpur: Center of Quranic Research, Universiti Malaya.
- Ismail Ngah. (1985). *Al-Quran sebagai sumber utama tatabahasa Arab* (Tesis Sarjana), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Jum'ah, Z. (2009). *Al-Istishhad fi kitab al-muqtadab li al-Mubarrid: dirasah lughawiyah* (Tesis Sarjana), Universiti Kasdi Merbah Ouargla, Nigeria.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2005). *Tatabahasa Arab dan pembinaan hukum daripada Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2010). *Perkembangan awal nahu Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Al-Ma'ani. (t.th.). Retrieved August 25, 2015, from <http://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>
- Michie, S. & Williams, S. (2003). Reducing work related psychological ill health and sickness absence: A systematic literature review. *Occup Environ Med*, 3–9.
- Muhammad Khairul Faizi Abdul Hamid. (1999). *Al-Shawahid al-Quraniyah 'ind Ibn Hisham fi sharh qatr al-nada wa ball al-sada*. Latihan Ilmiah. Universiti Al al-Bayt, Jordan.
- Mustafa, I. (1972). *Al-Mu'jam al-wasit* (2nd ed.). Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyah.
- Naji, Y. 'A. Q. (2008). *Al-Tafsir al-lughawi li al-shahid al-Qurani fi kitab al-kamil li al-Mubarrid*. Universiti Eden, Yemen.
- Qasim, M. A. (2004). *I'rab al-shawahid al-Quraniyah wa al-ahadith al-nabawiyah al-sharifah fi sharh Ibn Aqil*. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Saipolbarin Ramli, Sumaiya Zainal Abidin Murad, & Ahmad Fikri Husin. (2014). Biodiesel in Holy Quran: Among the review of the Arabic lexicography and modern science. *Mediterranean Journal of Social Sciences MCSER Publishing, Rome-Italy*, 5(19), 336–

342. doi:10.5901/mjss.2014.v5n19p336

- Siddiqi, N., House, A. O. & Holmes, J. D. (2006). Occurrence and outcome of delirium in medical in-patients: A systematic literature review. *Age and Ageing*, 35(4), 350-364. doi:10.1093/ageing/af1005
- Stake, R. E. (2010). *Qualitative research: Studying how things work*. New York: The Guilford Press.
- Taqi, Z. A. °A. (2011). *Tawjih al-shahid al-Qurani fi mughni al-labib: Ta'sil wa tatbiq wa manhaj*. Universiti Umm al-Qura, Arab Saudi.
- Zamri Rajab. (1999). *Al-Shahid Al-Qurani fi kitab sharh Ibn °Aqil*. Latihan Ilmiah. Universiti Al al-Bayt, Jordan.
- Zamri Rajab. (2010). *Penggunaan shahid al-Qur'ān dalam kitab sharh Ibn Aqīl dan sharh qatr al-nadā wa bal al-sadā bab al-marfuāt : Satu kajian bandingan* (Tesis Sarjana), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Zamri Rajab & Kaseh Abu Bakar. (2011). Penggunaan shahid al-Qur'ān dalam kitab sharh Ibn Aqīl dan sharh qatr al-nadā wa bal al-sadā bab al-marfuāt : Satu kajian bandingan. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(2), 83–98.
- Zamri Rajab, Mohd Yusri Mustafa, & Mohammad Kamil Jaafar. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berbantuan gaya shahid al-Quran (GSQ). In *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam*. Seremban: Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi.
- Zamri Rajab, Zulazhan Ab. Halim, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2015). Shahid Al-Quran dalam kitab tashil nayl al-amani karya Sheikh Ahmad Al-Fatani. *QURANICA, International Journal of Quranic Research*, 7(1), 97–120.